



## GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM PINJAMAN KOMPUTER PELAJAR IPMa (SKIPMA)

### 1.0 PENGENALAN

Skim Pinjaman Komputer diwujudkan bagi membantu pelajar di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) memiliki komputer untuk kemudahan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran masing-masing seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta kaedah baharu dalam pembelajaran.

### 2.0 SYARAT KELAYAKAN

#### 2.1 Kelayakan

2.1.1 Pelajar berstatus Bumiputera.

2.1.2 Ibu atau bapa berstatus Bumiputera.

2.1.3 Pelajar yang ditawarkan mengikuti pengajian di IPMa secara **sepenuh masa** bagi peringkat seperti berikut:

- i. Persediaan / Pra-Universiti;
- ii. Sijil;
- iii. Diploma; atau
- iv. Ijazah Sarjana Pertama (Sarjana Muda).

2.1.4 Had umur bagi pelajar yang layak adalah seperti berikut:

<b>PERINGKAT PENGAJIAN</b>	<b>HAD UMUR TIDAK MELEBIHI</b>
Persediaan / Pra-Universiti	20 tahun
Sijil / Diploma	35 tahun
Ijazah Sarjana Muda	45 tahun

2.1.5 Pelajar baharu atau pelajar sedia ada (aktif) yang mempunyai baki pengajian tidak kurang satu (1) tahun daripada tarikh permohonan dibuat.

2.1.6 Pelajar layak memohon satu (1) kali pinjaman komputer bagi setiap peringkat pengajian. Pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi adalah layak untuk dipertimbangkan pinjaman komputer seterusnya tertakluk kepada pinjaman komputer terdahulu telah diselesaikan.

2.1.7 Pelajar tidak mendapat kemudahan pinjaman atau kemudahan komputer dari badan penaja/ pihak lain.

## 2.2 Amaun Pinjaman

2.2.1 Amaun maksimum pinjaman komputer adalah sebanyak RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu sahaja).

2.2.2 Penetapan jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada harga sebenar komputer dan tidak melebihi jumlah amaun maksimum.

2.2.3 Pinjaman ini tidak dikenakan sebarang faedah dan perlu dibayar balik sepenuhnya.

## 2.3 Jaminan

2.3.1 Pinjaman ini memerlukan seorang penjamin.

2.3.2 Syarat-syarat penjamin adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 21 tahun dan ke atas;
- iii. Ibu / Bapa / Penjaga / Ahli Keluarga; dan
- iv. Pendapatan kasar sekurang-kurangnya RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja) sebulan

## 3.0 PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN

3.1 Pinjaman ini perlu dibayar balik sepenuhnya. Pelajar tidak layak memohon pengurangan pinjaman ini.

3.2 Bayaran boleh dibuat sekaligus atau secara ansuran bulanan dalam tempoh 18 bulan. Penyelesaian awal juga adalah dibenarkan.

3.3 Bayaran ansuran pinjaman bermula setelah tamat pengajian melalui potongan daripada akaun aktif yang telah dipersetujui oleh peminjam.

3.4 Pengiraan bayaran ansuran bulanan adalah seperti berikut:

**Nilai Pinjaman (RM)**

----- = **Jumlah Ansuran (RM) bulanan**

**Tempoh Bayaran Balik (18 bulan)**

3.5 Peminjam yang menarik diri atau diberhentikan pengajian dan menamatkan pengajian adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keseluruhan pinjaman tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat pengajian.

## 4.0 CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui pautan [aplikasi.mara.gov.my/skip](https://aplikasi.mara.gov.my/skip) bermula **12 Julai 2021 sehingga 31 Julai 2021**.
- 4.2 Permohonan akan diproses dalam masa **3 bulan dari tempoh permohonan dibuat**. Sekiranya tiada maklumbalas berkenaan permohonan dalam tempoh tersebut, permohonan dianggap **tidak berjaya**.
- 4.3 Semakan status permohonan boleh dibuat melalui wakil *person in charge* (PIC) di Institusi pengajian tinggi masing-masing.
- 4.4 Pelajar diminta mendapatkan khidmat nasihat berkenaan pemilihan komputer yang sesuai daripada pihak Institusi masing-masing sebelum permohonan dibuat.

## 5.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung dengan pegawai seperti butiran di bawah:

Bahagian Penganjuran Pelajaran  
Tingkat 10, Ibu Pejabat NARA  
21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur

Emel : [skipma@mara.gov.my](mailto:skipma@mara.gov.my)